

Penularan Covid-19 masih boleh dikekang tanpa vaksin jika semua patuh SOP

Malaysiakini

07 Jun 2020

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Dr Noor Hisham Abdullah berkata penularan Covid-19 masih boleh dikekang meskipun tiada vaksin sekiranya setiap orang mengikuti prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Noor Hisham memberikan contoh jangkitan sindrom pernafasan akut (SARS) dan sindrom pernafasan Timur Tengah (MERS).

Jelasnya, kedua-dua wabak itu dikekang melalui tindakan kesihatan awam tanpa vaksin.

“Sehingga hari ini SARS dan MERS tidak mempunyai vaksin tetapi melalui kaedah tindakan kesihatan awam, kita berjaya mengekang penyebaran SARS dan MERS di negara kita tanpa menggunakan vaksin.

"Jadi ada kemungkinan tanpa menggunakan vaksin, selagi kita semua mematuhi SOP dan semua nasihat kesihatan, kita juga dapat menghentikan penularan Covid-19 tanpa vaksin.

"Tetapi jika ada vaksin, itu lebih baik," kata Noor Hisham dalam taklimat akhbar harian di Kementerian Kesihatan hari ini.

Noor Hisham berkata penyelidikan baru-baru ini dari New England Journal of Medicine menyatakan bahawa jika orang ramai menjaga jarak sosial sekurang-kurangnya satu meter, memakai topeng muka dan sering mencuci tangan, tidak mustahil untuk mengekang penularan Covid-19.

Justeru, katanya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini mengeluarkan garis panduan baru dalam memerangi Covid-19, berdasarkan fakta baru ini.

Noor Hisham sekali lagi menggesa orang ramai untuk mengikuti SOP dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk menghentikan jangkitan Covid-19.

Katanya, sekiranya kes baru Covid-19 tetap pada angka satu atau dua angka, pada akhir perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP), kerajaan boleh mula

merancang strategi keluar.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/529192>